

Saham TDM kembali disenarai patuh Syariah



Oleh Wartawan BH - November 27, 2020 @ 11:22am

bhbiz@bh.com.my



Syarikat perladangan dan penjagaan kesihatan, TDM Bhd

KUALA LUMPUR: TDM Bhd dimasukkan semula ke dalam senarai sekuriti Patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), bersama dengan 34 syarikat perladangan lain yang sedia ada dalam senarai.

Senarai sekuriti patuh Syariah terkini yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) SC berkuatkuasa bermula hari ini.

Pengerusi TDM, Raja Datuk Idris Raja Kamarudin, berkata, pengiktirafan semula syarikat itu sebagai organisasi patuh Syariah mengukuhkan lagi jaminan kepada pelabur dan pihak berkepentingan bahawa perniagaannya mematuhi kriteria yang ditetapkan Metodologi Saringan Syariah oleh SC.

"Pada 2015, TDM dikecualikan dari senarai patuh Syariah kerana tidak

mematuhi tanda aras berasaskan aktiviti yang disemak semula di mana had yang dibenarkan diperketatkan kepada lima peratus berbanding 10 peratus.

"Pada Oktober 2018, TDM telah menyusun 'IDR Note' dan 'Credit Linked Note' mengikut tetapan tanda aras yang disemak semula.

"Hari ini, TDM dengan bangganya adalah salah satu daripada 715

saham patuh Syariah di Bursa Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Kumpulan TDM kini memberikan fokus kepada strategi dan pelan kesinambungan untuk mengembangkan perniagaan syarikat.

Dengan pengambilalihan TDM-YT Plantation Sdn Bhd yang sebelum ini dikenali sebagai THP-YT Plantation Sdn Bhd, TDM kini memiliki dan menguruskan 17 ladang kelapa sawit, tiga kilang, tiga kilang Bio-Organik dan tiga loji Biogas yang terletak di Terengganu serta Indonesia.

Kumpulan juga aktif dalam bidang penjagaan kesihatan melalui anak syarikat, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMIHealthcare), yang menguruskan empat hospital pakar iaitu Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTSH), Kuantan Medical Centre (KMC), Kelana Jaya

Medical Centre (KJMC) and Taman Desa Medical Centre (TDMC).